

TATACARA PERMOHONAN

- Permohonan perlu dibuat secara Aplikasi Atas Talian (*Online Application*) melalui <https://pohon.usm.my>. Permohonan mestilah memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas program berdasarkan program pengajian yang dipilih. (Rujuk syarat khas kemasukan).
- Calon perlu membeli nombor Pin USM-PPJJ berharga RM60.00 di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) sebelum pendaftaran dibuat.
- Calon perlu memilih kategori permohonan mengikut kelayakan berdasarkan Syarat Kemasukan. Proses pemilihan akan dibuat berdasarkan kategori calon.
- Calon perlu memuat naik dokumen–dokumen akademik dan dokumen lain yang berkaitan.

PERTANYAAN

Pengambilan Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar
Aras 2 Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang

- ☎ : 1 300 888 876
- ☎ : 04 - 653 3328
- 🌐 : <https://pohon.usm.my>
- ✉ : admissions@usm.my
- 📍 : Student Admissions USM

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang

- ☎ : 04-653 6197/3264/3286
- ☎ : 04 - 6576000
- 🌐 : <http://www.pppjj.usm>

www.pppjj.usm



RANCANGAN PENDIDIKAN JARAK JAUH
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

RPJJUSM

RANCANGAN PENDIDIKAN JARAK JAUH (PPJJ)

Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) telah dimulakan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1971 dan merupakan satu rancangan pengajian yang terulung di Malaysia yang menawarkan pengajian ijazah secara jarak jauh.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah setara dengan kursus yang diikuti oleh pelajar dalam kampus. Bahan pengajaran terdiri daripada bahan bercetak, pita rakaman dan bahan aneka media yang lain.

Jangkamasa pengajian ialah selama 5 tahun (minimum) hingga 12 tahun (maksimum).

SYARAT AM

- Lulus SPM /MCE/SPVM atau setaraf
- Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia
- Memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas Program seperti yang dinyatakan dalam Syarat Kemasukan
- Mendapat minima Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET)

KATEGORI PERMOHONAN

- Lulus STPM/STP/HSC/Setaraf
- Lulusan Diploma
- Matrikulasi
- A-level
- International Baccalaureate (IB)
- STAM
- SPM/SPVM
- Warga Emas

SENARAI PROGRAM YANG DITAWARKAN

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (KEPUJIAN)
Major – Sejarah, Kesusasteraan, Geografi (5 Tahun)

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KEMASYARAKATAN (KEPUJIAN)
Major – Ekonomi, Sains Politik, Antropologi/Sosiologi (5 Tahun)

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN)
Major – Biologi, Fizik, Kimia, Matematik (5 Tahun)

IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN (KEPUJIAN)
Major - Kewangan, Pemasaran, Organisasi (5 Tahun)

STRUKTUR PENGAJIAN

Sistem pengajian berasaskan sidang akademik yang bermula pada awal Ogos dan berakhir pada pertengahan Ogos tahun berikutnya. Pelajar perlu melengkapkan komponen kursus berikut:

Program	Sastera / Sains Kemasyarakatan	Sains	Pengurusan
Teras / Major	73	71–72	83
Elektif	12	12	12
Minor	20	20	20
Universiti	19	19	21
Jumlah	124	122-123	136

PUSAT WILAYAH

Pusat Wilayah merupakan "nadi" untuk kebanyakan kegiatan pengajaran dan pembelajaran Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) yang dijalankan sepanjang sidang akademik. Universiti Sains Malaysia (USM) telah menubuhkan 12 buah Pusat Wilayah untuk Program Pengajian yang ditawarkan. Senarai Pusat Wilayah adalah seperti di bawah:-

- Pulau Pinang
- Arau
- Alor Setar
- Ipoh
- Kuala Lumpur
- Johor Bahru
- Melaka
- Kota Bharu
- Kuantan
- Kuching
- Kota Kinabalu
- Kuala Terengganu

YURAN PENGAJIAN

Program	Jumlah Setahun (RM)
Sastera	1231.00
Sains Kemasyarakatan	1231.00
Sains	1461.00
Pengurusan	1491.00

*Yuran Pendaftaran : RM380.00

*Kadar yuran adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak Universiti.